

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**PERKAITAN ANTARA ORIENTASI MATLAMAT
DAN STAIL KEPIMPINAN JURULATIH
DENGAN PRESTASI PENCAPAIAN
PASUKAN BOLA JARING**

SARINAH BINTI KASBI

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SAINS SUKAN**

(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

**FAKULTI SAINS SUKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVE²⁰¹⁴ PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ABSTRAK

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Kajian ini bertujuan mengenal pasti perkaitan orientasi matlamat pemain bola jaring, stail kepimpinan jurulatih yang ideal dan sebenar yang diamalkan jurulatih-jurulatih sekolah di Perak dengan prestasi pencapaian pasukan pada Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Perak 2012. Kajian ini juga mengenal pasti perkaitan faktor-faktor lain seperti umur dan pengalaman pemain dengan orientasi matlamat dan stail kepimpinan jurulatih. Data dikutip menerusi *Task and Ego Orientation in Sport Questionnaire* (TEOSQ), *Leadership Scale for Sport* (LSS) versi kegemaran (ideal) dan persepsi pemain. Responden kajian ialah populasi pemain bawah 15 dan bawah 18 tahun yang mara ke peringkat suku akhir kejohanan tahun 2012 ($N = 144$). Kaedah tinjauan dan reka bentuk persampelan bertujuan digunakan untuk kajian ini. Hasil kajian menunjukkan pemain bola jaring di MSS Perak untuk kedua-dua kategori mempunyai Orientasi Tugasan yang lebih tinggi berbanding Orientasi Ego. Stail kepimpinan jurulatih yang paling ideal bagi kedua-dua kategori pemain ialah Latihan dan Arahan diikuti Demokratik, Hubungan Sosial dan Maklum Balas Positif. Menurut persepsi pemain bawah 15 tahun dan bawah 18 tahun pula, jurulatih sebenarnya mengamalkan stail Latihan dan Arahan diikuti Demokratik, Hubungan Sosial dan Maklum Balas Positif. Stail kepimpinan jurulatih berpusatkan Autokratik paling kurang ideal dan kurang diamalkan. Hasil ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara kedua-dua orientasi matlamat dan stail kepimpinan jurulatih yang ideal. Sebaliknya terdapat perbezaan signifikan bagi stail kepimpinan jurulatih sebenar dimensi Latihan dan Arahan. Analisis korelasi *Pearson* merumuskan, tidak terdapat perkaitan antara umur dan pengalaman dengan orientasi matlamat dan stail kepimpinan jurulatih ideal. Wujud perkaitan antara umur dengan stail kepimpinan sebenar dimensi Latihan dan Arahan. Tidak terdapat hubungan signifikan antara pengalaman dengan stail kepimpinan jurulatih sebenar. Terdapat perkaitan antara Orientasi Tugasan dan stail kepimpinan jurulatih sebenar dimensi Hubungan Sosial dengan prestasi pencapaian pasukan. Analisis regresi berganda pula menjelaskan orientasi matlamat dan stail kepimpinan jurulatih turut memberi sumbangan yang signifikan atas prestasi pemain. Dicadangkan jurulatih memberi penekanan terhadap pembentukan stail kepimpinan yang mampu memenuhi kehendak pasukan. Setiap jurulatih wajar menitikberatkan pembentukan orientasi matlamat yang jelas dan berupaya mempengaruhi kepuasan dan prestasi atletnya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

THE RELATIONSHIP BETWEEN GOAL ORIENTATION AND COACHING LEADERSHIP STYLE WITH THE PERFORMANCE ACHIEVEMENT OF A NETBALL TEAM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ABSTRACT

This study aimed to examine the relationship among netball players' goal orientation, ideal leadership style and real coaching in the practice of school coaches in Perak by studying their performance achievement during the Perak Schools Sports Meet. The study also identified the relationship of other factors such as age and experience towards goal orientation and leadership styles. Data collected were through the Task and Ego Orientation in Sport Questionnaire (TEOSQ), Leadership Scale for Sport (LSS) favorite version (ideal) and the perception of players. Respondents of the study were players under 15 and under 18 years old who were qualified for the quarter-finals in 2012 ($N = 144$). The survey method and purposive sampling design were used. The results indicate that the high school netball players in Perak during the tournament have Task Orientation higher than Ego Orientation. The Leadership style of the ideal coach for a player was Training and Instruction followed by Democratic, Social Support and Positive Feedback. According to the perceptions of the players under 15 and under 18, coaches actually practice leadership style of Training and Instruction, followed by Democratic, Social Support and Positive Feedback. The autocratic leadership style was less practiced and not ideal to players. The result of independent t-test showed no significant differences between the two goal orientation and leadership styles ideal but there were significant differences among actual coach in the Training and Instruction dimension. Pearson correlation analysis concluded that there was no relationship between age and experience with the goal orientation and leadership style ideal coach. There was a correlation between age and the actual style of leadership dimensions of Training and Instruction. There was no significant relationship between experience and actual style of leadership. On the other hand, there was a relationship between Task Orientation and the actual style of leadership dimensions of Social Support with their performance. Multiple regression analysis explained significant relationship of goal orientation and leadership style coach with players' performance. This study recommends that coaches emphasize on the formation of their leadership style to meet the needs of their team. Each coach should consider the formation of a clear goal orientation that is able to influence the satisfaction and performance of athletes.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

THE RELATIONSHIP BETWEEN GOAL ORIENTATION AND COACHING LEADERSHIP STYLE WITH THE PERFORMANCE ACHIEVEMENT OF A NETBALL TEAM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ABSTRACT

This study aimed to examine the relationship among netball players' goal orientation, ideal leadership style and real coaching in the practice of school coaches in Perak by studying their performance achievement during the Perak Schools Sports Meet. The study also identified the relationship of other factors such as age and experience towards goal orientation and leadership styles. Data collected were through the Task and Ego Orientation in Sport Questionnaire (TEOSQ), Leadership Scale for Sport (LSS) favorite version (ideal) and the perception of players. Respondents of the study were players under 15 and under 18 years old who were qualified for the quarter-finals in 2012 ($N = 144$). The survey method and purposive sampling design were used. The results indicate that the high school netball players in Perak during the tournament have Task Orientation higher than Ego Orientation. The Leadership style of the ideal coach for a player was Training and Instruction followed by Democratic, Social Support and Positive Feedback. According to the perceptions of the players under 15 and under 18, coaches actually practice leadership style of Training and Instruction, followed by Democratic, Social Support and Positive Feedback. The autocratic leadership style was less practiced and not ideal to players. The result of independent t-test showed no significant differences between the two goal orientation and leadership styles ideal but there were significant differences among actual coach in the Training and Instruction dimension. Pearson correlation analysis concluded that there was no relationship between age and experience with the goal orientation and leadership style ideal coach. There was a correlation between age and the actual style of leadership dimensions of Training and Instruction. There was no significant relationship between experience and actual style of leadership. On the other hand, there was a relationship between Task Orientation and the actual style of leadership dimensions of Social Support with their performance. Multiple regression analysis explained significant relationship of goal orientation and leadership style coach with players' performance. This study recommends that coaches emphasize on the formation of their leadership style to meet the needs of their team. Each coach should consider the formation of a clear goal orientation that is able to influence the satisfaction and performance of athletes.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

KANDUNGAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Muka surat

PENGAKUAN

ENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ii UNIVERSITI F

PENGHARGAAN

iii

ABSTRAK

iv

ABSTRACT

v

KANDUNGAN

vi

SENARAI JADUAL

xi

SENARAI RAJAH

xiii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Kerangka konseptual	14
1.3	Pemboleh ubah	15
1.4	Pernyataan masalah	15
1.5	Kepentingan kajian	18
1.6	Objektif kajian	20
1.7	Persoalan kajian	21
1.8	Delimitasi dan limitasi kajian	22
1.8.1	Delimitasi kajian	22
1.8.2	Limitasi kajian	23
1.9	Definisi operasional	24

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	30
-----	------------	----

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2.2 Latar belakang berkaitan orientasi matlamat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENGETAHUAN

2.3 Teori orientasi matlamat

34

2.3.1	Model Motivasi Pencapaian McClelland dan Atkinson	35
2.3.2	Teori Penilaian Kognitif (<i>Cognitive Evaluation Theory</i>)	37
2.3.3	Teori Keberkesanan Diri (<i>Self- Efficacy</i>) Bandura	40
2.3.4	Teori Kecekapan Harter	41
2.3.5	Teori Keyakinan Sukan Spesifik Vealey	42
2.3.6	Teori Persepsi Kebolehan Nicholls	42
2.4	Latar belakang berkaitan kepimpinan sukan	48
2.4.1	Definisi pemimpin	49
2.4.2	Definisi kepimpinan	50
2.5	Teori kepimpinan umum dan sukan	64
2.5.1	Pendekatan Sifat Tersendiri (Tret)	65
2.5.2	Teori Perlakuan Pemimpin	66
2.5.3	Model Kontingensi Fiedler	67
2.5.4	Teori Haluan Matlamat	71
2.5.5	Teori Putaran Hidup (Life Cycle Theory)	72
2.5.6	Model Berfungsi	73
2.5.7	Model Kepimpinan Sukan Multidimensi	74
2.5.8	Semakan semula LSS	81
2.6	Kajian literatur berkaitan orientasi matlamat dan stail kepimpinan jurulatih	82
2.7	Kesimpulan	100

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	102
3.2	Reka bentuk	102

3.3 Populasi dan responden kajian 105

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

3.4 Instrumentasi kajian 106

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

3.4.1 Bahagian A: Maklumat demografi	107
3.4.2 Bahagian B: Soal selidik TEOSQ (<i>Task and Ego Orientation In Sport Questionnaire</i>)	108
3.4.3 Bahagian C: Soal selidik LSS (<i>Leadership Scale for Sport</i>)-stail ideal	109
3.4.4 Bahagian D: Soal selidik LSS versi persepsi pemain (<i>Leadership Scale for Sport</i>)-stail sebenar	110
3.5 Kesahan & kebolehpercayaan	111
3.6 Prosedur pengumpulan data	116
3.7 Kaedah menganalisis data	118
3.7.1 Statistik deskriptif	118
3.7.2 Statistik inferensi	119
3.7.2.1 Ujian-t	119
3.7.2.2 Korelasi <i>Pearson product moment</i>	120
3.7.2.3 Regresi berganda (<i>Multiple regression</i>)	121

BAB 4 KEPUTUSAN DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	123
4.2 Profil demografi responden	124
4.3 Analisis orientasi matlamat pemain bola jaring di Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Perak 2012 secara keseluruhan	131
4.3.1 Analisis min dan perbezaan corak orientasi matlamat/pemain NE15 dan SU18 tahun S di Kejohanan Bola Jaring MSSPK 2012	131

4.3.2 Perbezaan orientasi matlamat pemain di Kejohanan Bola Jaring MSSPK 2012 berdasarkan kategori umur bermain (Ujian-t)

4.4 Analisis min stail kepimpinan ideal bagi pemain bola jaring di Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Perak 2012 secara keseluruhan

134

4.4.1 Analisis min stail kepimpinan ideal berdasarkan kategori umur bermain

134

4.4.2 Perbezaan stail kepimpinan jurulatih ideal bagi pemain di Kejohanan Bola Jaring MSSPK 2012 berdasarkan kategori umur bermain (Ujian-t)

136

4.5 Analisis min stail kepimpinan sebenar bagi pemain bola jaring di Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Perak 2012 secara keseluruhan

137

4.5.1 Analisis min stail kepimpinan jurulatih sebenar yang diamalkan oleh jurulatih pada persepsi pemain berdasarkan kategori umur bermain

138

4.5.2 Perbezaan stail kepimpinan jurulatih sebenar pada persepsi pemain di Kejohanan Bola Jaring MSSPK 2012 berdasarkan kategori umur bermain (Ujian-t)

139

4.6 Perkaitan antara umur dan pengalaman dengan orientasi matlamat pemain

141

4.7 Perkaitan antara umur dan pengalaman dengan stail kepimpinan ideal dan sebenar

141

4.8 Perkaitan antara orientasi matlamat, stail kepimpinan jurulatih ideal dan sebenar dengan prestasi pencapaian

144

4.9 Pengaruh orientasi matlamat, stail kepimpinan jurulatih ideal, stail kepimpinan jurulatih sebenar, umur dan pengalaman terhadap prestasi pencapaian

146

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN & CADANGAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
5.1 Pengenalan	5.2 Perbincangan	150
5.2.1 Orientasi matlamat pemain bola jaring di Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Perak 2012		153
5.2.2 Stail kepimpinan yang ideal dan stail kepimpinan yang sebenar yang diamalkan oleh jurulatih menurut persepsi pemain		157
5.2.3 Perkaitan antara umur dan pengalaman dengan orientasi matlamat		162
5.2.4 Perkaitan antara umur dan pengalaman dengan orientasi matlamat dan stail kepimpinan jurulatih		162
5.2.5 Perkaitan antara orientasi matlamat, stail kepimpinan ideal dan sebenar yang diamalkan oleh jurulatih menurut persepsi pemain dengan prestasi pencapaian pasukan		163
5.2.6 Pengaruh orientasi matlamat, stail kepimpinan yang ideal dan sebenar yang diamalkan oleh jurulatih menurut persepsi pemain, umur dan pengalaman terhadap prestasi pencapaian pemain		164
5.3 Rumusan		165
5.4 Cadangan		167
RUJUKAN		170
LAMPIRAN A Borang soal selidik kajian		187
LAMPIRAN B Surat kelulusan Kementerian Pelajaran Malaysia		188
LAMPIRAN C Surat kebenaran Jabatan Pelajaran Negeri Perak		189
LAMPIRAN D Surat kebenaran Pejabat Pelajaran Daerah Hilir Perak		190
LAMPIRAN E Surat Kebenaran daripada pereka / penterjemah instrumen		191

SENARAI JADUAL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Jadual

Muka surat

2.1 Kompetensi kepimpinan pemimpin	51
2.2 Stail kepimpinan Teori Putaran Hidup	72
2.3 Keserasian dan hasil perlakuan pemimpin	77
2.4 Lima dimensi LSS	78
3.1 Lima dimensi dan item LSS	111
3.2 Kebolehpercayaan LSS berdasarkan kajian-kajian terdahulu	114
3.3 Skala kekuatan korelasi	121
4.1 Pasukan-pasukan yang layak ke peringkat suku akhir	125
4.2 Taburan responden mengikut lokasi sekolah pemain	126
4.3 Taburan responden mengikut umur pemain	126
4.4 Taburan responden mengikut kategori umur bermain	127
4.5 Taburan responden mengikut kaum pemain	127
4.6 Taburan responden mengikut tahap penglibatan tertinggi pemain di MSSPK	128
4.7 Taburan responden mengikut pengalaman bermain bola jaring	129
4.8 Taburan responden mengikut bilangan tahun dibimbing oleh jurulatih	129
4.9 Taburan responden mengikut status jurulatih	130
4.10 Analisis min orientasi matlamat pemain Kejohanan Bola Jaring MSSPK secara keseluruhan	131
4.11 Analisis min dan perbezaan orientasi matlamat pemain bawah 15 dan 18 tahun di Kejohanan Bola Jaring MSSPK 2012	132
4.12 Perbezaan orientasi matlamat pemain berdasarkan kategori umur bermain (Ujian-t)	133

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

4.13 Analisis stail kepimpinan jurulatih ideal bagi pemain secara keseluruhan mengikut urutan min	134
4.14 Analisis stail kepimpinan jurulatih ideal bagi pemain Kejohanan Bola Jaring MSSPK 2012 berdasarkan kategori umur bermain menurut urutan min	135
4.15 Perbezaan stail kepimpinan jurulatih ideal bagi pemain berdasarkan kategori umur bermain (Ujian-t)	136
4.16 Analisis stail kepimpinan jurulatih sebenar pada persepsi pemain secara keseluruhan mengikut urutan min	138
4.17 Analisis stail kepimpinan jurulatih sebenar pada persepsi pemain mengikut urutan min berdasarkan kategori umur bermain	139
4.18 Perbezaan stail kepimpinan jurulatih sebenar bagi pemain berdasarkan kategori umur bermain (Ujian-t)	140
4.19 Perkaitan antara umur dan pengalaman pemain dengan orientasi matlamat	141
4.20 Perkaitan antara umur dan pengalaman dengan stail kepimpinan jurulatih ideal dan sebenar	143
4.21 Perkaitan antara orientasi matlamat, stail kepimpinan ideal dan sebenar dengan prestasi pencapaian pasukan	145
4.22 Keputusan analisis regresi berganda	147

SENARAI RAJAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Rajah**Muka surat**

		Muka surat
1.1	Kerangka Konseptual	14
2.1	Model tenaga asas pengurusan kepimpinan	54
2.2	Empat komponen pemimpin berkualiti	57
2.3	Sumber utama kuasa asas sosial	59
2.4	Hubungan antara jenis kuasa pemimpin dengan kesediaan ahli dalam pasukan menerima arahan.	61
2.5	Model Kepimpinan Multidimensi	75

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bola jaring merupakan salah satu permainan yang tidak asing kepada peminat sukan tempatan khususnya golongan perempuan malahan dianggap antara permainan tertua (Ten, 2006). Dianggarkan lebih tujuh juta perempuan dari 70 buah negara di seluruh dunia terlibat dalam permainan ini (Netball SA, 2010). Menurut Woodlands (2006), keindahan permainan bola jaring secara intrinsiknya ialah tujuh pemain berinteraksi dan berfungsi sebagai satu pasukan di atas gelanggang. Setiap posisi bermain adalah spesifik namun pasukan yang berbeza mempunyai spesifikasi tanggungjawab yang sedikit berbeza untuk setiap posisi. Justeru, jurulatih dan semua pemain perlu jelas tentang objektif posisi setiap individu.

Katherine (2009), menjelaskan sukan berpasukan yang unik dan berentak laju

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ini menuntut pemain melakukan pergerakan pantas dan banyak perubahan arah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

berlaku secara tiba-tiba. Mereka perlu mempunyai pelbagai skil seperti melompat,

membaling, menghalang, menjaring, menahan, mengawal pergerakan kaki, mengawal

bola dan mempunyai ketajaman mata. Skil-skil itu diakui oleh Shakespear (2006),

sebagai aset kepada pemain yang baik. Namun, antara kelemahan pemain tahap novis

ialah kesukaran membezakan kaki mendarat dan kaki yang boleh diangkat.

Sebahagian pemain mempunyai tubuh langsing tetapi malas melompat. Akibatnya,

bola akan dirampas dengan mudah oleh pihak lawan (Sarinah, 2009). Justeru

Mohamad Amran (2006), berpendapat pemain perlu berlatih melompat secara

terkawal dengan matlamat tertentu misalnya membantu menangkap bola untuk

menjaring dan seterusnya menggunakan kuasa lonjakan untuk menangkap bola lalu

menghantar tepat ke arah rakan sepasukan.

Sejak dulu lagi, permainan bola jaring menjadi salah satu sukan kegemaran

dalam kalangan murid-murid sekolah rendah hingga peringkat menengah. Malahan

perlawanan bola jaring sama ada peringkat zon, daerah, negeri dan kebangsaan terus

mendapat tempat dan diiktiraf sebagai salah satu daripada sukan teras oleh Majlis

Sukan Negara (MSN). Umumnya, pemain yang berada di sekolah menengah harian

biasa berusia antara 13 hingga 18 tahun (tingkatan satu hingga enam). Lazimnya

mereka dikategorikan kepada pemain bawah 15 tahun manakala satu kategori lagi

ialah pasukan bawah 18 tahun. Mereka ini juga menjadi pemain pelapis negara selain

mereka yang berada di sekolah sukan negara atau pusat sukan negeri. Mereka

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

dikelompokkan sebagai golongan remaja yang merupakan komponen masyarakat

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

yang sangat penting (Biddle, 2001). Pihak yang bertanggungjawab memajukan sukan

ini untuk murid sekolah ialah Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) manakala pada peringkat kebangsaan ialah Persatuan Bola Jaring Malaysia (PBJM).

Antara kejohanan antarabangsa yang memasukkan bola jaring sebagai salah satu acara ialah Sukan Komanwel dan Sukan SEA. Menurut laporan Persatuan Bola Jaring Malaysia, negara ini juga pernah menjadi tuan rumah untuk kejohanan Sukan Komanwel pada tahun 1998 (PBJM, 1998). Dalam Kejohanan Dunia 2010, pasukan Malaysia berada pada kedudukan ke-21 (IFNA, 2010), sementara pasukan-pasukan yang digeruni di dunia pada ketika ini ialah Australia yang menjadi juara tahun 2010, New Zealand dan diikuti oleh England di tempat ketiga menerusi ranking dunia yang dikeluarkan oleh Persekutuan Persatuan Bola Jaring Antarabangsa (IFNA, 2010). Kelebihan Australia ialah negara itu dikatakan lebih menitikberatkan ketangkasian di samping faktor-faktor lain berbanding negara lain (Farrow & Kemp, 2004). Ramuan kejayaan itu bertepatan dengan pandangan Woodlands (2006), yang mengatakan pasukan yang telah berjaya menjadi pasukan yang hebat seolah-olah mempunyai stil bekerja tersendiri yang cemerlang yang diterima anggotanya.

Justeru, secara legitimasi, permainan ini bukan dikuasai negara dari benua Asia. Sementara itu, pada peringkat benua pula, Sri Lanka menduduki tangga pertama ketika ini (Persatuan Bola Jaring Malaysia, 2011). Malaysia pernah menjadi juara sewaktu menjadi tuan rumah pada tahun 1985. Bagi kategori remaja pula, negara ini pernah menjuarainya pada tahun 2005. Pelbagai faktor menyumbang kepada kejayaan itu. Selain faktor fizikal pemain seperti ketinggian, bentuk tubuh malahan aspek

mental yang kuat dilihat turut memainkan peranan (Soh Kim Geok, Ruby Husain & Soh Kim Lam, 2007). Hakikatnya Woodlands (2006), berpandangan permainan ini

memerlukan usaha daripada semua pihak yang terlibat untuk menggabungkan kebolehan fizikal, kemahiran komunikasi dan personaliti berbeza. Kemudian dirangkumkan ke dalam satu unit yang berfungsi dan bersepadan.

Menurut Elmarie dan Venter (2009), sudah menjadi lumrah tuntutan antarabangsa, semua jurulatih perlu menilai setiap latihan dan kaedah orientasi bagi mengoptimumkan prestasi pemain supaya mereka maju dalam permainan ini. Namun begitu, bukanlah kelaziman bagi jurulatih mencuba pelbagai kombinasi kaedah latihan bukan ortodok untuk membangunkan komponen kecerdasan sukan tertentu seperti kelajuan dan ketangkasan.

Sesungguhnya ketangkasan dan kelajuan dikenal pasti sebagai komponen utama dalam bola jaring. Lee, Vance dan Juan (2005), menjelaskan ketangkasan sebagai keupayaan mengubah posisi dan pergerakan dengan pantas dan tepat bergantung pada kekuatan dan kepastasan pergerakan anggota badan. Dalam bola jaring, setiap pemain dikehendaki melakukan larian jarak dekat secara berulang, melompat, mengubah arah secara tiba-tiba dan berhenti dengan pantas. Pendapat itu dipersetujui oleh Young dan Farrow (2006). Menurut mereka, pemain juga harus berupaya mengubah suai kelajuan bergantung kepada pelbagai situasi yang melibatkan pihak lawan dan arah bola. Keadaan sekali gus diharap memperbaiki keupayaan pemain mempamerkan kemahiran dengan cepat dan tepat. Bagi Foran (2001), pula ketangkasan ialah kemuncak kepada semua keupayaan fizikal atlet. Justeru bagi mengekalkan kecerdasan, Dawson (2008), mencadangkan kekerapan

menjalani latihan ketangkasan seperti larian bintang, latihan tindak balas dan latihan ansur maju.

Selain aspek kemahiran, pemain perlu diseimbangkan dengan aspek psikososial seperti pemilikan orientasi matlamat yang jelas dan stal kepimpinan jurulatih yang berkesan bagi menjamin kualiti permainan. Woodlands (2006), berpendapat dalam bola jaring, pemain harus berusaha untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam dua bidang. Apa yang dilakukan oleh pemain di luar gelanggang untuk meningkatkan perpaduan pasukan adalah sama pentingnya dengan usaha mereka sewaktu beraksi.

Menurut Duda (1989b), dalam bidang sukan secara keseluruhan, matlamat untuk memenangi sesuatu pertandingan merupakan antara faktor penting untuk melihat pencapaian prestasi dan pengekalan individu dalam aktiviti tersebut. Seseorang itu akan terus melibatkan diri dalam sukan yang disertainya jika kerap memenangi pertandingan. Ketika ini, terdapat ramai remaja yang melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Namun begitu, ramai juga yang menarik diri malahan ada juga yang tidak menyertai acara sukan langsung. Hal ini ada berkaitan dengan corak orientasi matlamat individu itu sendiri. Nicholls (1989), menyarankan perlu diadakan pengukuran penyertaan sukan daripada perspektif matlamat pencapaian bagi memahami dan menilai apakah matlamat sebenar penyertaan individu dalam sukan. Justeru Roberts (1992, 2001), mencadangkan dua dimensi iaitu Orientasi Tugasan dan Orientasi Ego diberi perhatian dalam mengkaji penyertaan dalam sukan.

Berdasarkan kajian Duda dan Whitehead (1998), kejayaan dalam kalangan atlet 15 tahun, menunjukkan perkaitan motivasi diri yang berorientasikan Tugasan.

Sementara atlet yang berorientasikan Ego sering kali dikaitkan dengan kegagalan serta penarikan diri daripada menyertai aktiviti sukan. Peranan orientasi matlamat ini perlu

diberi perhatian supaya pemain dapat mengekalkan motivasi mereka pada tahap yang diperlukan. Kejayaan ratu skuasy negara, Datuk Nicol Ann David umpamanya dirumuskan oleh Shaharudin (2006), adalah kerana terdapatnya perkaitan kuat antara sokongan moral keluarga dan keinginan untuk menjadi juara (orientasi matlamat). Meskipun faktor persediaan fizikal, pemakanan, pengurusan dan kesihatan diri sudah diambil kira tetapi harus diperkuat dengan pemilikan orientasi matlamat oleh atlet atau pemain itu sendiri supaya hala tujuanya dalam aktiviti sukan nampak lebih jelas. Menurut Finch (2002), kurangnya pemahaman terhadap makna sebenar motivasi menyebabkan jurulatih dan atlet gagal mengenal pasti faktor yang mendorong mereka terlibat dalam sukan. Masalah itu menyebabkan jurulatih dan atlet sukar melihat kelemahan diri. Malahan sukar untuk jurulatih merangka program latihan yang seajar dengan matlamat dan kemampuan diri. Justeru, Finch (2002), mencadangkan jurulatih dan atlet peka terhadap kemajuan diri supaya faktor yang memotivasi penglibatan mereka berupaya menyumbang kepada peningkatan prestasi ke tahap optimum. Malahan dengan mengenali perbezaan individu, orientasi matlamat lebih mudah dikenal pasti bagi membantu ahli psikologi sukan meningkatkan motivasi atlet dengan lebih berkesan.

Sikap individu terhadap sesuatu perkara adalah penting kerana merupakan langkah pertama penglibatannya dalam aktiviti yang dipilih. Walaupun begitu, sikap positif tidak menjamin individu itu akan kekal dalam aktiviti sukan tersebut. Sehubungan itu Newton dan Duda (1999), berpendapat jurulatih perlu memainkan peranan untuk mewujudkan situasi pembelajaran yang berorientasikan Tugasan supaya pengikutnya dapat menilai dan memupuk keyakinan diri. Hal itu penting bagi menimbulkan minat dalam diri kanak-kanak dan remaja supaya mereka kekal dalam

aktiviti yang diceburi. Walau bagaimanapun, orientasi itu juga turut bergantung kepada persekitarannya sewaktu usia mereka 11 atau 12 tahun (Duda, 1987). Jika persekitaran pada masa itu mengkehendaki mereka menumpukan perhatian kepada perbandingan sosial, maka keadaan akan menggalakkan kepada pembentukan Orientasi Ego. Manakala persekitaran yang menuntut untuk menguasai kemahiran, akan memupuk Orientasi Tugasan kendiri.

Duda (1989a), turut menyatakan Orientasi Tugasan berkait rapat dengan usaha untuk meningkatkan kemahiran, sikap bekerjasama, menjalani gaya hidup sihat dan ciri-ciri kewarganegaraan yang baik. Sebaliknya Orientasi Ego sering kali dikaitkan dengan fokus kepada pencapaian atau keputusan, usaha untuk mendapatkan penghormatan diri serta status sosial yang tinggi dalam kalangan pemain. Orientasi jenis ini turut dikaitkan dengan matlamat untuk mengalahkan orang lain dengan apa juga cara sekalipun. Martens (1987, 2004), mendapati atlet yang terlalu tinggi tahap kebimbangan tidak akan mencapai kejayaan kerana matlamat yang berorientasikan Ego memberikan tekanan kepada mereka. Situasi menyebabkan mereka hilang tumpuan dan prestasi akan menjunam. Kenyataan Martens menyokong hujah Duda (1989a), yang menegaskan atlet yang memiliki Orientasi Ego tinggi dan Orientasi Tugasan rendah mengalami tahap kebimbangan paling tinggi sebelum dan semasa sesuatu perlawanan berlangsung. Mereka sukar memberi tumpuan kepada perlawanan sekali gus memberi kesan kepada prestasi keseluruhan. Atlet berorientasikan Ego juga kerap dikaitkan dengan kejayaan mengalahkan orang lain atau memenangi sesuatu pertandingan walaupun prestasi semasa mencapai kejayaan berada di bawah keupayaan sebenar mereka (Duda & Whitehead, 1998; Shaharudin, 1998; Gill, 2000).

Menurut Nicholls (1984a, 1989), individu yang berorientasikan Tugasan selalunya lebih mementingkan penguasaan kemahiran dan tidak membandingkan pencapaiannya dengan orang lain. Manakala individu yang berorientasikan Ego hanya mementingkan pencapaian dengan membandingkan kejayaannya dengan orang lain atau pihak lawan tanpa ada usaha untuk meningkatkan kemahiran. Oleh itu, isu ini menjadi tumpuan pengkaji untuk mengenal pasti corak orientasi matlamat pemain bola jaring remaja di Perak bagi mengetahui tahap kesungguhan mereka melibatkan diri dalam bola jaring.

LeUnes dan Nation (2002), berpendapat selain itu, kejayaan dalam sukan turut dikaitkan dengan kehebatan jurulatih yang memimpin atau membimbang pasukan itu. Martin Luther King, Jr. pernah berkata, kepimpinan tidak kaya dengan wang dan publisiti tetapi mewah dengan sikap adil dan kemanusiaan. Hikayat *Iliad* yang ditulis oleh Homer, memberi contoh beberapa stail kepimpinan yang berkualiti seperti keadilan Agamemnon, nilai hikmah Nestor, kebijaksanaan Odysseus dan keberanian Achilles. Tambah LeUnes dan Nation (2002), meskipun kepimpinan dilihat sebagai suatu fenomena yang paling kerap diperhatikan di dunia namun kurang difahami. Kepimpinan turut diiktiraf sebagai komponen penting dalam sukan lebih 25 tahun.

Sesuatu yang perlu diakui, setiap sekolah di Malaysia mempunyai guru-guru pembimbang kelab dan permainan yang dilantik sebagai pemimpin sukan. Lazimnya mereka ini memiliki ciri-ciri atau karakter yang pelbagai. Ada yang pakar seperti yang terdapat di Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Bandar Penawar, Johor serta

beberapa pusat sukan negeri yang lain. Ini mungkin kerana sebahagian jurulatih diandaikan telah mempunyai ilmu berkaitan bola jaring seperti pernah menjadi pemain

sebelum ini dan memiliki sijil kejurulatihan yang diiktiraf oleh Majlis Sukan Negara.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Namun, sebahagian lagi tiada sebarang pengalaman tentang bola jaring.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Menurut Martens (2004), kepimpinan bermaksud tindakan individu untuk mempengaruhi orang lain bagi menggapai matlamat yang ditetapkan. Kadangkala terdapat kekeliruan dengan takrifan pengurusan. Pengurusan terdiri daripada usaha merancang, mengendalikan, merekrut, menjaga hal ehwal pekerja, menjadual, membuat belanjawan dan perhubungan awam. Semua pemimpin melakukan semua fungsi itu atau mengagihkannya kepada orang lain malahan mereka melakukan lebih banyak tugas lain (Horn, 2002). Pemimpin menentukan arah masa depan dan kemudian menggunakan sumber-sumber dalam organisasi untuk meneruskan visi. Pemimpin yang kompeten, harus berupaya menetapkan matlamat pasukan. Malahan pemimpin harus mampu mempengaruhi, membimbing dan mengarahkan orang lain bertindak. Pemimpin yang hebat perlu berjaya mencapai matlamat. Pendek kata, pemimpin harus mampu merealisasikan pencapaian objektif pasukannya.

McDermott (2005), berhujah jika kita menganggap kepimpinan itu suatu kemahiran, kita boleh menguasainya seperti kita melakukan kemahiran lain iaitu sebagai satu set kecekapan yang boleh dipelajari dan dibangunkan secara maksimum. Namun pada masa yang sama kita mengakui bahawa sesetengah individu, dilahirkan dengan bakat yang luar biasa untuk memimpin, mempunyai kesenian hebat menguruskan orang lain, krisis dan situasi. Kepimpinan ialah tanggungjawab dan keperluan untuk jurulatih yang berkesan. Mengetuai program ialah cara untuk

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

mencapai matlamat itu. Jurulatih bertanggungjawab merealisasikan wawasan pasukan

PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

bukan semata-mata untuk mencipta keputusan yang baik untuk pasukan malahan

memantapkan kualitinya. Justeru, jurulatih mempunyai tanggungjawab untuk belajar

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

mengenali diri sendiri dalam usaha menjadi pemimpin lebih berkesan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

Menurut Woodlands (2006), pasukan-pasukan hebat yang mempunyai pengalaman mencipta kejayaan berulang kali mempunyai karakteristik yang sama. Ciri-ciri ini dipancarkan menerusi stail kepimpinan jurulatih, pasukan bimbingan dan proses pasukan yang mengawal operasi sepasukan. Jurulatih dianggap fasilitator utama kerja berpasukan secara keseluruhan. Jurulatih perlu arif dalam banyak perkara dan sanggup menimba ilmu secara berterusan. Pemain mengharapkan jurulatih mereka tahu apa yang diperkatakan oleh mereka malahan perlu sistematik sewaktu mengendalikan latihan dan pada hari perlawanan. Jurulatih wajar bekerja keras untuk memupuk hubungan kerja yang baik dengan pasukannya.

Wee (2007), juga berpendapat kepimpinan merupakan keupayaan untuk

mempengaruhi kepercayaan dan tingkah laku seseorang dalam pasukan agar dapat

bekerja bersama-sama dalam keadaan harmoni bagi mencapai matlamat. Menurut

Anshel (2003), kepimpinan yang berkesan dalam sukan berfungsi untuk menampilkan

kepelbagai contoh pemimpin dalam pelbagai stail kepimpinan dalam usaha

memenuhi keperluan atlet demi mencapai objektif pasukan. Jurulatih biasanya ialah

seorang pemimpin, pengikut, guru, idola, penetap matlamat, kaunselor, rakan dan

pengganti ibu bapa kepada atletnya.

Lazimnya, apabila wujud perkembangan dan pergolakan sukan tanah air, isu

kepimpinan menjadi fokus perhatian masyarakat. Begitu juga apabila pasukan negara

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

gagal dalam sesuatu pertandingan khususnya pada peringkat antarabangsa, sekali lagi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

isu kepimpinan terheret dalam kancang perdebatan (Shaharudin, 2006). Sehubungan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

banyak kebolehan dan kemahiran, perspektif sangat memahami dan beriltizam positif terhadap sukan dan orang lain. Oleh yang demikian, mereka wajar mengikuti kursus-kursus kejurulatihan yang dianjurkan oleh badan-badan sukan yang berkaitan. Adalah amat penting bagi jurulatih mempunyai falsafah latihan yang betul bukan sekadar memahami pengetahuan teori semata-mata.

Menurut Horn (2002), persepsi terhadap stail kepimpinan jurulatih semasa latihan atau pertandingan boleh mempengaruhi pencapaian prestasi dan psikologi atlet. Smoll dan Smith (1989), pula menyatakan bahawa kesan utama perlakuan jurulatih ialah persepsi yang diberikan oleh atlet terhadap perlakuan itu. Persepsi itu dipengaruhi oleh ciri-ciri atlet dan situasi sukan seperti jantina, umur, budaya, jenis sukan dan ciri-ciri psikologikal individu.

Sesungguhnya, peranan pemimpin dalam membimbing pasukan amat dituntut selaras dengan saranan Jabatan Pendidikan Jasmani dan Sukan, Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menjadikan sukan sebagai aktiviti kokurikulum yang dinilai sebagai syarat kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Wee (2007), menjelaskan, lazimnya pemimpin dipilih oleh seseorang atau kumpulan dalam autoriti. Banyak yang menjadi pemimpin secara spontan lebih efektif berbanding pemimpin hasil lantikan yang dibuat kerana mereka lebih diberi penghormatan dan sokongan daripada pasukan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Pemilihan dari segi kepimpinan mendapati pemimpin akan menjadi personaliti

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

yang stabil dalam kerjaya sebagai orang yang bijaksana, tegas, bebas dan yakin diri.

Jelas menunjukkan personaliti akan membuatkan mereka menjadi pemimpin yang berjaya mengikut pelbagai situasi yang mencabar. Pemimpin mesti mempunyai minda yang kuat, autoriti, tahan tekanan daripada pelbagai pihak, kematangan emosi, kebebasan berfikir dan memberi kenyataan dalam perspektif (Ogilvie & Tutko, 1966).

Menurut Dzulkifli Ismail dan Jamaliyah Ahmad (2004), dalam usaha mengiktiraf dan menentukan tahap profesionalisme seseorang jurulatih di negara ini, Majlis Sukan Negara telah mewujudkan satu program Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan. Skim ini diwujudkan hasil usul para peserta di Simposium Kejurulatihan Kebangsaan 1985. Lembaga Kejurulatihan Kebangsaan ditubuhkan selepas itu bertujuan menyelaras program dan bekerjasama dengan persatuan-persatuan dan badan-badan sukan kebangsaan. Berdasarkan skim ini, Jawatankuasa Perkembangan Kurikulum dibentuk untuk membangunkan kurikulum Sains Sukan, pengkhususan sukan dan praktikal. Skim pembangunan dan pendidikan jurulatih yang seragam dan berterusan ini terbahagi kepada tiga tahap iaitu:

- i. Tahap Satu - Pengetahuan Sains Sukan
- ii. Tahap Dua - Pengetahuan khusus aspek Sains Sukan
- iii. Tahap Tiga - Kajian dalam sukan

Sesungguhnya kepimpinan membawa erti yang cukup besar dalam era sukan

masa kini. Jurulatih yang diperlukan mesti mempunyai karisma, berkeupayaan dalam merangsang minda pengikut dengan menggunakan teknik intelektual. Paling penting